

07/06/1999

Ekonomi pulih jika capai pertumbuhan satu peratus

KOTA BHARU, Ahad - Malaysia boleh dianggap pulih sepenuhnya daripada kegawatan ekonomi jika negara berjaya mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi satu peratus tahun ini.

Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, berkata tanda-tanda pemulihan yang semakin kelihatan meyakinkan kerajaan bahawa negara boleh mencapai sasaran pertumbuhan itu.

Ekonomi Malaysia, menggunakan ukuran Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu jumlah pengeluaran barangan dan perkhidmatan negara, menguncup 6.7 peratus tahun lalu.

"Sasaran kita adalah (pertumbuhan) satu peratus. Sebelum ini ada pihak rasa kita tidak mungkin dapat mencapai angka itu, tetapi sekarang mereka yakin kita boleh mencapai 1.8 peratus.

"Kerajaan hanya meletakkan sasaran satu peratus dan kalau berjaya mencapainya, kita boleh dianggap pulih daripada kegawatan ekonomi," katanya selepas memberi taklimat Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dan Cabaran Terkini di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Datuk Azman Abdul Rashid dan Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, Azman Yahya.

Daim berkata, kerajaan tidak pernah menyuntik modal untuk meningkatkan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) semata-mata untuk meraih keyakinan pelabur seperti dakwaan sesetengah pihak.

Menurutnya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Tabung Haji tidak pernah diminta berbuat demikian (menyuntik modal) bagi tujuan melonjakkan Indeks Komposit, BSKL.

"Apa yang saya tahu, hingga akhir Mei ada RM2 bilion wang asing masuk (dan) itu memang ada rekodnya. Kita tidak suruh KWSP atau Tabung Haji masuk (membantu pasaran).

"Kenaikan di BSKL adalah tulen. Dulu memang kita ada penama tapi kita dah pinda undang-undang supaya penama tidak dibenarkan, jadi kita tahu siapa yang beli dan siapa yang jual.

"Bagaimanapun, ada orang tidak mahu percaya (kenaikan BSKL adalah tulen) ... mereka mahu publisiti murah dan tuduh kerajaan. Kita tidak pernah amalkan perkara ini, sekurang-kurangnya saya sebagai Menteri Kewangan tidak pernah mengamalkannya," katanya.

Mengikut laporan, sejumlah RM2 bilion dana baru bersih mengalir masuk ke dalam pasaran modal negara ini sehingga 19 Mei 1999 dan dalam tempoh tiga bulan lalu, lebih 60 peratus pembeli saham bagi kaunter berkaitan indeks adalah pelabur asing.

Sehingga 12 Mei lalu, 6,000 akaun baru diwujudkan bagi modal asing yang masuk ke negara ini selepas 15 Februari 1999. Dalam tempoh itu, sejumlah RM1.436 bilion aliran masuk dana baru bersih dicatatkan berbanding RM18.5 juta pada 10 Mac tahun ini.

Daim berkata, kegawatan ekonomi yang melanda adalah berikutan tindakan sektor swasta yang banyak membuat pinjaman dan melabur dalam sektor tertentu seperti hartanah di samping aktif memasuki pasaran saham.

"Masalah ekonomi ini bukan masalah kerajaan, tapi sektor swasta ... ada yang meminjam duit bank, main saham dan membuat pelaburan," katanya.

Mengenai teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar pegawai kerajaan tidak melengah-lengahkan pelaksanaan projek yang dapat

memberi faedah kepada rakyat, beliau berkata semua pihak perlu mengatasi krisis pengurusan yang membelenggu.

Menurut Daim, kegawatan ekonomi dengan sendirinya mewujudkan krisis pengurusan dan pihak terbabit perlu mengubah sikap dalam menangani masalah yang dihadapi.

(END)